



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**PENDAFTARAN BAHARU/KEMAS KINI SUMBANGAN TUNAI RAHMAH
(STR)
MULAI 1 MAC 2023 SEHINGGA 31 MAC 2023**

Tarikh **pendaftaran baharu dan kemas kini Sumbangan Tunai Rahmah (STR)** akan dibuka mulai 1 Mac 2023 sehingga 31 Mac 2023¹.

Ini bertujuan memastikan mereka yang layak atau masih tiada dalam pangkalan data Kerajaan dapat mengemukakan permohonan masing-masing selain membolehkan penerima sedia ada yang mempunyai sebarang perubahan maklumat untuk membuat pengemaskinian.

YAB Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Dato' Seri Anwar Ibrahim berkata STR pada tahun 2023 akan memanfaatkan 8.7 juta penerima dengan peruntukan hampir RM8.0 bilion.

“Pendekatan rahmah dalam membela nasib rakyat susah terutamanya golongan rentan dan mudah terjejas akan terus diperkasakan di bawah Kerajaan Perpaduan,” tambah beliau.

Bagi mengurangkan golongan yang tercicir atau *exclusion error*, **data penerima STR Fasa 1 akan dibawa secara automatik** ke dalam pangkalan data Kerajaan di samping **data daripada beberapa agensi Kerajaan²** untuk disemak silang kelayakan STR mengikut syarat yang ditetapkan.

¹ Sila rujuk Jadual di Lampiran

² Sila rujuk Senarai di Lampiran

Kementerian Kewangan juga akan memperhebatkan **program turun padang** bersama pemimpin komuniti dan pelusuk desa bagi memastikan STR dirasai oleh seluruh rakyat Malaysia.

Pemohon STR boleh merujuk Soalan Lazim (FAQ) di Portal Rasmi STR melalui pautan <https://bantuantunai.hasil.gov.my> bagi mendapatkan maklumat lanjut.

Kementerian Kewangan Malaysia

Putrajaya

1 Mac 2023

1. Jadual Permohonan STR

Cara Permohonan	Tarikh Permohonan	Kaedah Permohonan
Secara dalam talian	1-31 Mac 2023	Melalui https://bantuantunai.hasil.gov.my
Secara manual / fizikal	8-31 Mac 2023	Hadir ke : <ul style="list-style-type: none">• Pejabat LHDNM; atau• Pejabat Satelit (PS) LHDNM; atau• Pusat Khidmat Hasil (PKH) LHDNM; atau• Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM dengan mengisi dan mengemukakan Borang Permohonan STR.

2. Senarai data daripada beberapa agensi Kerajaan yang dibawa secara automatik ke dalam pangkalan data Kerajaan untuk disemak silang kelayakan STR mengikut syarat yang ditetapkan.

- Data e-Kasih, ICU, JPM;
- Data penerima bantuan JKM;
- Data penghuni Perumahan Awam/Projek Perumahan Rakyat di bawah DBKL dan KPKT;
- Data Orang Asli JAKOA;
- Data gelandangan berdaftar dengan KPWKM dan DBKL;
- Data ibu tunggal berdaftar dengan KPWKM;
- Data penerima Skim Insurans Pekerjaan PERKESO; dan
- Data penerima zakat atau baitulmal di Lembah Klang, Pulau Pinang, Kedah dan Melaka.